



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(21)
Tarikh : 18 November 2012

SIARAN MEDIA

TAMAN SERI DERGA FASA III BERJAYA DIPULIHKKAN DALAM MASA 5 BULAN

ALOR SETAR, 18 November 2012 - 28 unit rumah berkembar satu tingkat di Taman Seri Derga Fasa III berjaya dipulihkan sepenuhnya dan Sijil Layak Menduduki dijangka dapat diperoleh pada 12 November 2012 menurut YB Dato Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sewaktu penyerahan kunci kepada pembeli rumah projek perumahan swasta terbengkalai tersebut.

Projek perumahan swasta Taman Seri Derga Fasa III ini pada mulanya adalah sebuah projek perumahan yang dimajukan oleh Everise Acres Holdings Sdn. Bhd. di atas tanah lot 463 (P.T.4969-P.T 5012) / HSM 11422 – HSM 11465 seluas 2.14 ekar di Alor Setar, Kedah milik tiga (3) tuan tanah iaitu Pn. Ishah binti Hj Wahab, En. Abdul Halim bin Wahab dan En. Ab. Aziz bin Wahab. Kerja pembinaan taman ini telah bermula pada tahun 2007 dan sepatutnya siap pada tahun 2009. Walau pun demikian, tahap kemajuan projek adalah lembap dan telah terhenti pada tahun 2009.

Kerja pemulihan telah dimulakan pada 18 Jun 2012 setelah mahkamah memutuskan penggulungan syarikat pemaju asal, Everise Acres Holdings Sdn. Bhd pada 18 Jun 2012. Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi. Syarikat ini pula telah melantik Syarikat Unijaya Sdn. Bhd. pada 25 Jun 2012 sebagai kontraktor penyelamat.

Daripada 178 projek perumahan terbengkalai di seluruh negara, Projek Pemulihan Rumah Swasta Terbengkalai Taman Seri Derga Fasa III ini merupakan projek ke 113 yang telah di pulihkan oleh Jabatan Perumahan Negara. Projek perumahan terbengkalai ini juga merupakan projek ke 30 yang disiapkan bagi tahun ini (2012).

Di Negeri Kedah, sebanyak 11 projek perumahan swasta telah diisytiharkan sebagai projek terbengkalai dan dari jumlah ini 6 projek telah disiapkan dan baki sebanyak 5 projek sedang berada di pelbagai peringkat pemulihan.

Terdahulu dari majlis ini, Y.B. Menteri KP KT telah merasmikan taklimat kepada pemaju zon utara dan tengah berhubung kewajipan dan tanggungjawab pemaju perumahan berlesen di bawah Akta 118 (Akta Pemajuan Perumahan) dan penerangan mengenai pindaan-pindaan Akta yang terlibat di Hotel Holiday Villa kepada pemaju-pemaju yang berada di zon utara dan zon tengah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KP KT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KP KT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my